

30 May 2023

## HAB BAHARU GDEX PERTINGKAT KAPASITI KEPADA 350,00 PENGHANTARAN



PETALING JAYA, 30 Mei (Bernama) -- Penyedia perkhidmatan penghantaran ekspres, GDEX Bhd menjangkakan kemudahan hab auto baharunya bernilai RM25 juta, dapat meningkatkan kapasiti pengisiannya kepada 350,000 penghantaran sehari dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Teong Teck Lean berkata kemudahan pengisihan automatik sepenuhnya berukuran 145,000 kaki persegi itu menggunakan teknologi pintar dengan ketepatan 99.99 peratus bagi memendekkan masa.

Ini juga dapat mengurangkan risiko kerosakan bungkusan, sekali gus meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan kumpulan. "Hab Auto GDEX ini melengkapkan lagi inisiatif transformasi GDEX 2.0 yang merangkumi pembinaan ekosistem logistik serba lengkap dan berasaskan teknologi dalam memenuhi keperluan pelanggan yang kian dinamik.

"Kami akan terus memanfaatkan asas dalam kejuruteraan proses dan penyepaduan penyelesaian teknologi terkini operasi untuk menawarkan aspek kelancaran dan kebolehpercayaan kepada perniagaan.

"Bersandarkan cara ini, kami secara strategik dapat mentransformasi kaedah penghantaran selain menggerakkan perniagaan secara lebih pantas lagi," katanya ketika berucap pada majlis perasmian hab auto itu di sini, hari ini.

Perasmian itu disempurnakan oleh Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil pada majlis yang turut dihadiri oleh Pengerusi GDEX Tan Sri Muhammad Ibrahim.

Teong berkata dengan 30 peratus kapasiti lebih besar daripada hab sebelum ini di Petaling Jaya, Hab Auto GDEX tersebut menggunakan pengisih dua tingkat dengan talian rentas bagi memaksimumkan ruang kapasiti.

Selain itu, Hab Auto GDEX itu turut menggunakan kelengkapan mesra alam seperti forklift elektrik dan palet yang dijana oleh bateri boleh dicas semula yang merupakan sebahagian daripada usaha berterusan GDEX untuk mengurangkan jejak karbon dalam operasi harian kumpulan.

"Sektor penghantaran pantas dan logistik kekal menjadi komponen penting dalam ekonomi negara serta menjadi tulang belakang kepada kebanyakan perniagaan lain.

30 May 2023

## HAB BAHARU GDEX PERTINGKAT KAPASITI KEPADA 350,00 PENGHANTARAN

“Oleh itu, kami akan terus memainkan peranan aktif dalam perkembangan industri serta memperkukuh kedudukan sebagai peneraju di Asia Tenggara,” katanya.

Teong berkata GDEX akan terus mengemudi inisiatif GDEX 2.0 untuk memupuk ekosistem berasaskan teknologi bagi meningkatkan pengalaman pelanggan, menyediakan pelbagai penyelesaian dan perkhidmatan serba boleh selain dapat mengembangkan jangkauan kepada pelbagai pelanggan.



-- BERNAMA